

30 JUL 1996

VARIANS BARU PROTON DENGAN ENJIN 1.3 DAN 1.6 LITER

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Varians baru kereta Proton akan mempunyai enjin 1.3 dan 1.6 liter, kata presiden Hicom Holdings Bhd Tan Sri Yahaya Ahmad hari ini.

"Kakitangan kami telah diminta bekerja kuat untuk menghasilkan model-model tersebut. Adalah tidak adil bagi saya untuk menyatakan bila ia akan dikeluarkan tetapi saya ada memberikan tarikh akhir kepada kakitangan untuk menyiapkannya.

"Tempahan untuk varians itu belum dibuka kerana kerajaan belum meluluskan harganya lagi."

Yahaya, yang menghadiri Dialog Antarabangsa Kedua Langkawi (LID), berkata varians Proton itu akan mempunyai 90 peratus kandungan tempatan berbanding dengan 75 peratus dalam model sedia ada.

Varians itu akan dilengkapi unit hawa dingin dipasang di kilang.

Proton juga sedang berusaha untuk mengurangkan masa menunggu untuk kereta nasional itu. "Umpamanya, sekarang, tiada tempoh menunggu bagi Perdana dan Wira 1.8 liter."

Tempoh menunggu bagi Satria 1.3 agak lama, oleh itu, Proton sedang mencuba untuk mengurangkannya.

Mengenai pengeluaran motosikal nasional di Gurun, Kedah, beliau berkata pembukaan rasmi kilang itu akan dibuat pada 3 Oktober.

Pengeluaran adalah untuk eksport ke pasaran yang termasuk Asia Timur, Amerika Latin dan Afrika.

Projek yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dijalankan secara usaha sama dengan Kawasaki Heavy Industries dari Jepun. -- BERNAMA

JSM SIA